

## PAMERAN AKADEMIK "JOM MASUK UMS!"

Oleh FAIRENDY FAIRUZ

4000018317 - Cu004336/10 1/2

Pada 4-6hb Mac 2009, Universiti Malaysia Sabah telah mengadakan satu Pameran Akademik 'Jom Masuk UMS!' yang bertempat di Kompleks Karamunsing, Kota Kinabalu. Pameran ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, Kol. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj Ampon. Sempena pameran tersebut, Sekolah Sains dan Teknologi tidak ketinggalan mempamerkan program-program pengajian yang ditawarkan di sekolah ini. Pameran yang terbuka kepada orang ramai ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada orang ramai bukan sahaja dari Kota Kinabalu tetapi juga dari daerah-daerah yang berhampiran. Pensyarah-pensyarah SST turut meluangkan masa untuk hadir ke booth pameran bagi menyampaikan informasi kepada orang ramai. Diharapkan program-program seperti ini akan diadakan lagi pada setiap tahun supaya dapat menarik ramai lepasan SPM, STPM dan Diploma untuk meneruskan pengajian terutamanya dalam bidang Sains di Sekolah Sains dan Teknologi.

